

RM3.3 juta pembangunan program Belia Kepada Belia

UM-18/9/2006

KUALA LUMPUR 17 Sept. - Sebanyak RM3.3 juta diperuntukkan bagi program pembangunan belia menerusi projek *Youth To Youth* (Y2Y) atau Belia Kepada Belia seluruh negara mulai Oktober ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said berkata, peruntukan projek perintis itu dikhaskan sepanjang Oktober hingga Disember ini.

"Mulai Oktober ini, setiap Ahli Parlimen diperuntukkan sebanyak RM15,000 untuk projek Y2Y di kawasan masing-masing.

"Ini satu pendekatan baru Kementerian Belia dan Sukan untuk pembangunan kumpulan sasaran itu berbanding peruntukan disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO)

untuk tujuan yang sama sebelum ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Dialog Belia Kuala Lumpur di Kompleks Darul Puteri, Cheras di sini, hari ini.

Menerusi pendekatan itu, kesemua 219 orang Ahli Parlimen akan mendapat RM15,000 untuk menjayakan pelbagai projek pembangunan belia di 567 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Azalina memberitahu, menerusi sumber kewangan itu, Ahli Parlimen akan menjayakan pelbagai projek jangka panjang pembangunan belia mengikut kehendak semasa di kawasan masing-masing.

"Ahli Parlimen yang telah mengenal pasti masalah semasa belia di kawasan mereka akan menggunakan peruntukan ini untuk menjayakan program menyelesaikan masalah belia di kawasan mereka sendiri," ujarnya.



**AZALINA
OTHMAN SAID**